

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]

**SOALAN : Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:**

- (a) statistik import bahan makanan keperluan dari luar negara untuk menampung keperluan domestik; dan
- (b) bagaimana Kementerian akan meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan negara dengan mengambil kira faktor cabaran serta mempertingkatkan cara pengusahaan tanah tanpa teknologi baru.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Statistik import bahan makanan keperluan dari luar negara untuk menampung keperluan domestik adalah seperti berikut:

| Sektor Pertanian | 2016 (Jan - Dis) | 2017 (Jan - Dis)^p |
|--------------------------------------|-------------------------|-------------------------------------|
| | Import | Import |
| Binatang hidup | 340,949.7 | 263,187.8 |
| Daging dan sediaan daging | 3,428,993.7 | 4,121,496.2 |
| Hasil tenusu | 3,086,605.7 | 3,924,916.3 |
| Ikan, krustasia, moluska dan sediaan | 3,817,124.6 | 4,106,907.7 |
| Bijirin dan sediaan bijirin | 4,323,910.6 | 6,370,612.3 |
| Bahan makanan untuk ternakan | 6,672,975.3 | 6,214,809.2 |

Antara usaha-usaha Kementerian yang dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan negara adalah seperti berikut:

- (i) Membangunkan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru;

- (ii) Melaksanakan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (iii) Melaksanakan pelbagai projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, produk herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium melalui program Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA);
- (iv) Menggalakkan penggunaan varieti padi sah baharu seperti Siraj 297 dan MR269 yang berhasil tinggi dan rintang penyakit, terutamanya di kawasan yang mudah terdedah kepada penyakit;
- (v) Mempergiatkan Program Agropreneur Muda bagi menggalakkan penyertaan usahawan muda dalam bidang pertanian;
- (vi) Membangunkan Industri Jagung Bijirin bagi menangani import bahan makanan untuk ternakan di lokasi-lokasi berpotensi seluas 758 hektar bagi perluasan projek rintis jagung bijirin bagi tahun 2017; dan
- (vii) Membangunkan industri tenusu melalui program pembiakbakaan baka tempatan bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu, pembangunan usahawan tenusu berskala besar serta transformasi penternak berskala kecil.